

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 30

**Sultan Nazrin titah syarikat tubuh platform data lestari**

# Sultan Nazrin titah syarikat tubuh platform data lestari

Sedia maklumat  
isu kelestarian,  
perjelas  
keadaan sebenar

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Sultan** Nazrin Muizzuddin Shah menitahkan supaya syarikat korporat di negara ini dan serantau menubuh serta mengekalkan platform secara dalam talian berkenaan data kelestarian seperti Data Terbuka Kelestarian Korporat (CSOD) yang boleh diakses oleh orang ramai.

Titah baginda, platform berkenaan perlu menyediakan semua maklumat relevan mengenai isu kelestarian termasuk matlamat kelestarian masa depan syarikat supaya orang awam boleh mengetahui pelaksanaan dan kemajuan yang dicapai.

Baginda turut menitahkan bahawa data yang disediakan pada platform berkenaan juga boleh dimanfaatkan untuk membawa perubahan tingkah laku, termasuk membantu menangani keraguan yang bertebaran.

"Naratif palsu boleh dijelaskan dengan cara yang lebih tepat pada masanya, lebih jitu dan meyakinkan apabila data relevan dan berkesan yang mencukupi digunakan untuk tujuan ini, menggunakan pelbagai cara dan media untuk menyampaikannya.

"Dengan data ini, keadaan sebenar, dalam semua perincian



Sultan Nazrin hadir pada Sidang Kemuncak dan Pameran Kelestarian Korporat, GO ESG ASEAN 2022 di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Aziah Azmee)

yang kucar-kacir, rumit, tetapi perlu, dapat difahami dengan lebih lengkap dan kepada lebih ramai orang. Hanya dengan itu, ia boleh ditangani dengan berkesan," titah baginda.

**Perjelas dasar iklim**  
Sultan Nazrin bertitah demikian pada Sidang Kemuncak dan Pameran Kelestarian Korporat, GO ESG ASEAN 2022 anjuran United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB).

Baginda menitahkan syarikat dan jabatan kerajaan di seluruh ASEAN supaya dapat menunjukkan dengan meya-

kinkan kepada rakyat bahawa semua dasar yang dibangunkan untuk menangani krisis iklim adalah wajar sepuhnuhnya oleh data.

Titah baginda, mereka juga mesti dapat menunjukkan mengikut amalan dasar berkenaan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan, yang mana semua itu hanya boleh dilakukan melalui penggunaan sumber data yang boleh dipercayai dan telus.

Agenda kelestarian, titah baginda, boleh mendapat manfaat besar daripada perombahan titik data, set data dan cara penyampaian data, yang telah

disaksikan sejak sedekad lalu atau lebih dan berterusan.

"Cerapan berpusatkan data dan data yang dijana ini boleh memberi kita pemahaman yang lebih baik mengenai realiti semasa kita pada separuh pertama 2020-an, serta bagaimana krisis iklim mungkin akan berlaku menuju ke hadapan.

"Dengan memudahkan pemahaman kita mengenai situasi di lapangan dengan lebih terperinci, data itu sendiri akan membolehkan pendekatan yang lebih berkesan dibangunkan sebagai tindak balas," titah baginda.